

29 OCT 2002

Polis-Azalina

TIADA LAPORAN POLIS DAKWA AZALINA TERLIBAT KEGIATAN LESBIAN

KOTA BAHARU, 29 Okt (Bernama) -- Polis tidak menerima sebarang laporan mendakwa kononnya Ketua Puteri Umno Azalina Othman terlibat dengan kegiatan lesbian, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Jamil Johari.

Beliau berkata polis akan hanya menyiasat jika ada laporan dibuat oleh mana-mana pihak.

"Itu (dakwaan terhadap Azalina) hanya laporan akhbar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung bersama Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Pegawai Yang Diwartakan/Cawangan Inspektor/Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia di sini hari ini.

Jamil berkata demikian ketika ditanya sama ada polis akan menyiasat dakwaan Ummi Hafilda Ali, seorang daripada empat orang yang cuba mencabar Azalina bagi jawatan Ketua Puteri Umno, kononnya Azalina terlibat dalam kegiatan lesbian.

Akhbar tempatan hari ini melaporkan, Ummi Hafilda berhasrat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengemukakan bukti terhadap tuduhannya itu.

Mengenai perkara lain, Jamil berkata Malaysia sebuah negara selamat untuk dikunjungi dan polis sentiasa meningkatkan tahap keselamatan termasuk dalam aspek kecekapan perisikan untuk mencegah berlakunya sebarang keganasan.

"Kita telah tingkatkan tahap keselamatan di pintu-pintu masuk, pelabuhan-pelabuhan, destinasi pelancongan, tempat kunjungan orang ramai dan lain-lain.

"Jadi kalau anda lihat lebih anggota polis di tempat tertentu, itu bukan untuk menakutkan tetapi untuk berjaga-jaga untuk elak perkara ini (ancaman keganasan)," katanya.

Mengenai penyeludupan mercun untuk keperluan musim perayaan akan datang, Jamil berkata larangan pembakaran mercun masih berkuatkuasa dan polis akan mendapatkan kerjasama agensi lain termasuk kastam untuk mengetatkan kawalan di sempadan.

--BERNAMA

BD MAI